

## Kerajaan pastikan rakyat Malaysia di Ukraine selamat

Muhaamad Hafis Nawawi  
[mhafis@hmetro.com.my](mailto:mhafis@hmetro.com.my)



ISMAIL Sabri. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Kerajaan dukacita dengan perkembangan yang berlaku di Ukraine selepas Presiden Rusia, Vladimir Putin hari ini mengumumkan operasi ketenteraan di negara terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keutamaan kerajaan pada masa ini adalah memastikan Keluarga Malaysia di Ukraine berada dalam keadaan selamat.

"Kerajaan dukacita dengan perkembangan yang berlaku di Ukraine," katanya dalam kenyataan di laman Twitter hari ini.

Putin pada Khamis mengumumkan operasi ketenteraan di Ukraine dengan letupan dapat didengari di ibu negara dan bahagian lain di negara jirannya itu.

Ia selepas usaha diplomasi selama beberapa minggu dan sekatan dikenakan oleh Barat gagal menghalang Putin daripada mengambil tindakan berkenaan.

Rusia sebelum ini menghimpunkan antara 150,000 dan 200,000 tentera di sempadan menurut AFP.

Disiarkan pada: Februari 24, 2022